

Headline	Pasangan dikenal pasti dekati pelajar tawar tunai untuk BB1M		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	29 Jan 2012	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	3	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	101 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 208
Frequency	Daily	PR Value	RM 624



Pasangan dikenal pasti dekati pelajar tawar tunai untuk BB1M

SHAH ALAM: Polis telah mengenal pasti pasangan yang mendekati penuntut Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok, Kedah dan menawarkan untuk menukar Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) mereka dengan tunai.

Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Khalid Abu Bakar berkata polis juga mengenal pasti dua kedai buku di Kota Bharu, Kelantan yang dipercayai melakukan perkara serupa.

"Polis kini menyiasat universiti tempatan iaitu Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Mara berhubung dakwaan terdapat beberapa pihak yang mengiklankan melalui Internet meminta penuntut menjual atau melelong baucar buku mereka yang bernilai RM200 untuk mendapat tunai segera.

"Ketika ini, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan bagi kesalahan menyalahgunakan harta dengan curang," katanya kepada pemberita selepas melancarkan majalah 'Auto Maskulin' di Kompleks Kumpulan Media Karangkraf di sini pada Sabtu.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ketika membentangkan Belanjawan 2012 tahun lepas, mengumumkan kerajaan akan memberi baucar buku RM200 kepada semua penuntut Malaysia di institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta pelajar matrikulasi atau Tingkatan Enam, dan ia tidak boleh ditukar dengan tunai.

Khalid berkata penerima tidak sepatutnya menyalah gunakan BB1M kerana ia hanya boleh digunakan bagi membeli buku untuk manfaat sendiri dan meringankan beban kewangan kerana terpaksa membeli buku.

Dalam perkembangan lain, Khalid berkata sejumlah 14,363 kes kemalangan jalan raya dicatat pada hari ke-12 Ops Sikap ke-25 Jumaat lepas sejak dilancarkan pada 16 Januari.

Beliau berkata 137 kematian direkodkan sepanjang tempoh sama, menyaksikan penurunan sebanyak 18 peratus berbanding Ops Sikap ke-23 semasa Tahun Baru Cina tahun lepas.

Ops Sikap ke-25 yang bakal berakhir 30 Januari ini menyaksikan polis menggunakan pendekatan mengeluarkan saman serta-merta kepada pesalah trafik bagi mendidik pengguna jalan raya menjadi lebih berhati-hati dalam usaha mengurangkan kemalangan jiwa ketika musim perayaan.

Khalid juga berkata tidak ada inkuiri awam terhadap polis berhubung perhimpunan Bebaskan Anwar 901.

Beliau berkata contoh bahan letupan yang berlaku ketika perhimpunan itu diadakan telah dihantar ke Jabatan Kimia bagi menentukan bahan yang digunakan.

"Polis kini masih menunggu keputusan dari Jabatan Kimia. Setakat ini, bahan letupan itu disahkan sebagai 'pyro bomb' atau bom mercurun," katanya. - Bernama